

Headline	RM1 juta bina 20 rumah		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	13 Apr 2019	Language	Malay
Circulation	40,000	Readership	120,000
Section	NEWS	Page No	37
ArticleSize	225 cm <sup>2</sup>	Journalist	NORJULIANA
PR Value	RM 7,273		



# RM1 juta bina 20 rumah

## Projek Baiti Jannati TNB Kedah bantu golongan asnaf

NORJULIANA YAACOB

YAN

**T**enaga Nasional Berhad (TNB) memperuntukkan RM1 juta bagi tujuan membina 20 buah rumah untuk asnaf terpilih pada tahun ini.

Ketua Perkhidmatan Pelanggan TNB Kedah, Ismail Latifhi Teh berkata, pemilihan rumah dikenal pasti oleh pejabat ketua perkhidmatan pelanggan bahagian *retail* Kedah dengan kerjasama Majlis Agama Islam Kedah.

Katanya, projek pembinaan rumah ini diberi nama Baiti Jannati yang merupakan satu tanggungjawab sosial korporat TNB untuk membaiki rumah golongan yang memerlukan.

"Antaranya OKU, ibu tunggal, warga emas dan penduduk miskin luar bandar," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Ismail, di peringkat TNB, projek ini mula dilancarkan di Pekan Pahang pada 2007 oleh Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri.

"Di peringkat nasional program ini dinaungi di bawah program sejahtera melalui inisiatif Khazanah Nasional yang dilancarkan bekas Perdana Menteri Datuk Seri Mohamad Najib Tun Razak di Maran, Pahang pada

### info

**Antara penerima ialah OKU, ibu tunggal, warga emas dan penduduk miskin luar bandar**

2009," katanya.

Tambahnya, kos membaiki rumah bagi 2007 hingga 2012 juga menggunakan peruntukan penuh daripada TNB.

"Bermula 2013 kos membaiki rumah menggunakan peruntukan agihan zakat perniagaan TNB yang diterima daripada negeri-negeri yang bersetuju memulangkannya.

"Bagi peringkat Kedah setakat 2018, 62 buah rumah berjaya dibaiki sejak 2008," ujarnya.